

Ahmad Said utamakan zoo, zon bebas cukai daripada pendidikan - PAS
Malaysian Insider
July 20 , 2013
Oleh Muzliza Mustafa

Menteri Besar Terengganu Datuk Seri Ahmad Said didakwa lebih mengutamakan haiwan dengan pembinaan projek zoo dan juga zon bebas cukai, berbanding melengkapkan projek Taman Ilmu di Tembila, Besut yang dibawa oleh bekas Menteri Besar Datuk Seri Idris Jusoh pada 2004.

Ahli Parlimen Kuala Terengganu, Datuk Raja Kamarul Bahrin Raja Ahmad Shah mendakwa sejak Ahmad Said mengambil alih tampuk pimpinan Terengganu, projek Taman Ilmu yang di bawa Idris diabaikan, termasuk dari segi kewangan dan keutamaannya.

Projek di atas tapak seluas 700 ekar telah diperuntukkan beberapa universiti dan kolej pendidikan.

"Sehingga hari ini, taman ilmu masih belum disiapkan sepenuhnya dan CF tidak boleh dikeluarkan untuk mana-mana bangunan untuk digunakan.

"Dalam masa yang sama, dua daripada bangunan-banguDatuk Raja Kamarul Bahrin Shah Raja Ahmad (kanan) bersama Zulkefli Ahmad menunjukkan gambar projek Taman Ilmu di siding media PAS di Kuala Terengganu pada 20 Julai, 2013. Gambar The Malaysian Insider oleh Afif Abd Halim, 20 Julai, 2013. Datuk Raja Kamarul Bahrin Shah Raja Ahmad (kanan) bersama Zulkefli Ahmad menunjukkan gambar projek Taman Ilmu di siding media PAS di Kuala Terengganu pada 20 Julai, 2013. Gambar The Malaysian Insider oleh Afif Abd Halim, 20 Julai, 2013. nan yang dibina telah mengalami masalah struktur di mana satu daripadanya mungkin terpaksa diroboh dan satu lagi mengalami masalah yang hampir sama," katanya.

Malah beliau turut mendakwa, disebabkan faktor kewangan, kontraktor yang dianugerahkan projek berkenaan telah menjalankan "mutual agreement" dengan kerajaan negeri bagi menghentikan pembinaan projek Taman Ilmu yang kini telah pun siap hingga 90%.

"Bila perkara itu diwujudkan Idris Jusoh, pada 2005 tender itu telah diberikan beberapa kontraktor, beberapa universiti juga telah dikenalpasti untuk diletakkan di taman ilmu," katanya ketika sidang media di Markaz PAS di sini.

"Keutamaan yang sepatutnya diberi kepada anak serta penuntut tempatan telah disalurkan kepada projek memelihara haiwan-haiwan liar yang mahal dengan projek bernilai berjuta-juta ringgit.

"Dalam masa yang sama kerajaan sedang berbelanja beratus juta ringgit membina kompleks bebas cukai di Pulau Bayas di tengah ceruk hutan Tasik Kenyir," dakwanya lagi.

Alasan yang digunakan Ahmad Said, jelas Raja Kamarul Bahrin, adalah bahawa projek berkenaan merupakan beban kepada negeri.

"Tetapi pada pendapat saya ia soal keutamaan. Tanpa zoo dan barangan bebas cukai kita masih boleh hidup," tegasnya lagi. - 20 Julai, 2013

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/ahmad-said-utamakan-zoo-zon-bebas-cukai-daripada-pendidikan-pas>